



UUM ONLINE: "Kita semua adalah kita, ini universiti kita dan tempat kita bekerja dan memberi sumbangan kepada universiti kita, perjuangan ini adalah perjuangan bersama," kata Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Dr Mohamed Mustafa Ishak di hadapan lebih 1,500 staf UUM dalam program Kursus ESQ Perdana di Dewan MAS, di sini, semalam.

Beliau berkata, biar kesusahan yang akan ditempuh terlebih dahulu sebelum munculnya kesenangan kerana setiap kesenangan bermula dengan kesusahan.

"Oleh itu, kita kena melakukan muhasabah diri untuk melihat di mana yang kita mampu capai dengan melihat diri sendiri dan mengatur persiapan bagi mencapai matlamat di dunia dan akhirat," katanya.

Beliau berkata, perjuangan memajukan universiti bukan perjuangan seorang diri atau perjuangan Naib Canselor dan pihak pengurusan tertinggi universiti semata-mata tetapi membabitkan warga UUM keseluruhannya.

"Untuk mencapai kecemerlangan, kita mesti sama-sama berfikir dan bekerja dengan lebih 3,000 staf dengan satu tekad untuk menjayakan semua program yang disusun oleh universiti.

"Semua orang mesti mempunyai satu jiwa, satu semangat dan satu tujuan ke arah matlamat yang sama bukan menentukan agenda sendiri sehingga menyebabkan matlamat yang ditetapkan tidak kesampaian.

"Malahan, semua staf mahu UUM terus dihormati dan disegani dan kita merasa gembira apabila nama universiti kita dijulung setaraf dengan universiti terkemuka lain," katanya ketika memberi ucapan perasmian Kursus ESQ Perdana di Dewan MAS, di sini.

Oleh itu, katanya, perubahan mesti dilakukan segera oleh semua pihak tanpa mengira pangkat dan jawatan kerana banyak lagi matlamat yang tidak dicapai oleh universiti ini.

"Saya sebagai Naib Canselor tidak mampu melakukan seorang diri sebaliknya perlu sokongan daripada semua staf bersama dengan saya untuk mencapai matlamat yang ditetapkan oleh universiti.

"Untuk itu, kita tidak boleh melakukan kerja seperti biasa tetapi sanggup melakukan lebih daripada biasa kerana tindakan kita akan mencerminkan kejayaan dan kita mesti dilakukan secara bersama," katanya.

Mustafa berkata, agenda besar UUM adalah meningkatkan reputasi universiti ini sebagai sebuah universiti terhebat dan disegani mesti disokong oleh semua staf akademik dan pentadbiran.

Beliau berkata, adalah tidak mustahil matlamat itu tercapai kerana semua staf akan digerakkan untuk mencapai matlamat itu yang juga boleh dimanfaatkan oleh semua staf serta pelajar di universiti ini.

"Tugas ini adalah tugas bersama, fikir secara positif dan akhirnya kita mencipta kejayaan bersama," katanya.

Habis

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my